



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **PEMBENTUKAN KOMUNITI KAMPUNG BARU CINA DAERAH ULU SELANGOR DALAM PEMBANTERASAN KOMUNIS (1948-1957)**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **MOHAMMAD BUKHARI BIN BADROL HISHAM**

## **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBENTUKAN KOMUNITI KAMPUNG BARU CINA DAERAH ULU  
SELANGOR DALAM PEMBANTERASAN KOMUNIS  
(1948-1957)**

**MOHAMMAD BUKHARI BIN BADROL HISHAM**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah


**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada .....(hari bulan)..... (bulan) 20.....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, \_\_\_\_\_ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

\_\_\_\_\_ Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, \_\_\_\_\_ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah \_\_\_\_\_ (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

\_\_\_\_\_ Tarikh

\_\_\_\_\_ Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

No. Matrik / Matric No.: \_\_\_\_\_

Saya / I : \_\_\_\_\_

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.

*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*

2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.

*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*

3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.

*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*

4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) from the categories below:

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau

**SULIT**

kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia

Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official  
Secret Act 1972

**TERHAD**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh

organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains  
restricted information as specified by the organization where research  
was do

**TIDAK TERHAD**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)

Tarikh: \_\_\_\_\_

& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi

berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**



## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan restu-Nya penyelidikan ini dapat disiapkan. Jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Khairi bin Ariffin dan Dr. Nazirah Lee Pensyarah di Jabatan Sejarah Universiti Pendidikan Sultan Idris selaku penyelia kepada penyelidik yang banyak membantu membimbang dalam menyempurnakan kajian ilmiah ini. Disamping itu, setinggi-tinggi perhargaan diucapkan kepada Profesor Adnan Nawang yang turut membantu dalam memberikan tunjuk ajar dalam melaksanakan kajian ini. Penghargaan juga diberikan kepada pensyarah-pensyarah dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia atas dorongan dan bimbingan kepada penyelidik. Selain itu, penyelidik juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia, Majlis Daerah Ulu Selangor, Perpustakaan IPTA seperti perpustakaan UPSI yang banyak membantu dalam mendapatkan sumber-sumber asli dalam penyelidikan ini. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya Nor Hayati Binti Md. Zuldin dan Badrol Hisham B. Ibrahim yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan kepada penyelidik dalam menyiapkan kajian ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada isteri tercinta Siti Sakinah Binti Khusaini yang banyak memberi semangat dalam menyempurnakan kajian ini. Sekali lagi penyelidik mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyelidikan ini.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis pembentukan komuniti kampung baru Cina dalam pemberantasan komunis di daerah Ulu Selangor pada tahun 1948-1957. Rancangan penempatan kampung baru telah dilaksanakan di bawah rancangan Briggs bertujuan untuk menyekat kolaborasi di antara komuniti Cina dengan pergerakan Parti Komunis Malaya di daerah Ulu Selangor. Pelaksanaan rancangan penempatan semula penduduk setinggan ke dalam penempatan kampung baru telah memberikan kesan serta cabaran kepada komuniti kampung baru Cina di daerah tersebut. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dan manuskrip berdasarkan tafsiran hermeneutik telah digunakan untuk menganalisis sumber primer iaitu dokumen dan manuskrip yang terdapat di Arkib Negara Malaysia seperti fail, *Colonial Office Ulu Selangor*, *British Adviser Office Selangor*, laporan tahunan, dan keratan akhbar. Kajian turut disokong oleh sumber kedua yang diperoleh dari perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Awam yang terdapat di Malaysia. Kajian ini mendapati rancangan penempatan semula komuniti kampung baru Cina telah memutuskan sumber bekalan makanan dan keperluan kepada gerakan komunis. Pembentukan penempatan semula ini telah melemahkan kekuatan pihak komunis disebabkan oleh kegagalan dalam mendapatkan sokongan menjadi faktor kejayaan pemberantasan ancaman komunis. Namun begitu, dapatan kajian mendapati penempatan semula komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor telah menghadapi pelbagai masalah dalam mengharungi kehidupan mereka. Dasar penempatan semula setinggan Cina ke dalam kawasan kampung baru telah menyebabkan terbentuknya penempatan kampung baru yang terpisah mengikut kaum yang membawa perubahan yang besar kepada pembentukan taburan penempatan penduduk di kawasan Ulu Selangor. Kesimpulannya, kajian ini mendapati rancangan penempatan semula kampung baru telah berjaya melumpuhkan gerakan komunis, namun memberikan impak kepada kehidupan kehidupan masyarakat Cina di daerah Ulu Selangor. Implikasi daripada kajian ini dapat memberi gambaran kepada asas pembentukan kampung baru Cina dan garis panduan dalam pembinaan sebuah negara berbilang kaum.





## **THE FORMATION OF CHINESE NEW VILLAGE COMMUNITY IN ULU SELANGOR DISTRICT IN ERADICATING COMMUNIST (1948-1957)**

### **ABSTRACT**

This research is aimed to analyse the formation of Chinese new village community in eradicating of communist in Ulu Selangor district between 1948-1957. This new village resettlement plan was implemented under the Briggs' Plan which solely targeted to restrict the collaboration between Chinese community and Malaya Communist Party in Ulu Selangor district. The implementation of relocation of Chinese squatters into new villages had brought challenges and affected the existing Chinese community in the district. Qualitative approach based on hermeneutik approach had been used to analyse the primary sources such as documents and manuscripts which available at National Archive of Malaysia like files, Colonial Office Ulu Selangor, British Adviser office Selangor, Annual Report, and newspaper cuttings. This study also supported by secondary sources which taken from public higher education libraries all over Malaysia. The finding from this study concluded that relocation of new village Chinese community had cut the food and good supply for the communist's movement. The formation of this relocation program had weakened the communist strength due to lack of support from the Chinese community and later be the definite factor to determine the success of eradicating communist threat. However, this study also found that relocation of new village Chinese community had made the Chinese community to face numerous obstacles in their daily life. The policy to relocate the Chinese squatters into the new villages had indirectly formed new singular race settlements which brought huge impact on the demographic of Ulu Selangor area. The finding concluded that relocation of the new villages had able to eradicate communist's movement, therefore impacted the life of Chinese community in Ulu Selangor. The implication from this study had formed the basis of new villages formation and also created guidelines to the development of a multiracial country





## KANDUNGAN

### Muka Surat

PENGAKUAN KEASLIAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi



SENARAI ORGANISASI	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

### BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	9
1.4 Objektif	11
1.5 Soalan Kajian	11
1.6 Skop kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Metodologi Kajian	14
1.9 Kajian Lepas	16





1.10 Definisi Istilah	28
1.11 Pembahagian Bab	30
2.0 Kesimpulan	36

## **BAB 2 LATAR BELAKANG PENUBUHAN KAMPUNG BARU CINA DAERAH ULU SELANGOR**

2.1 Pengenalan	36
2.2 Latar Belakang Daerah Ulu Selangor	38
2.3 Latar Belakang Masyarakat Cina Daerah Ulu Selangor	46
2.4 Pembentukan Penempatan Setinggan Cina di Ulu Selangor	49
2.5 Latar Belakang Pengaruh Parti Komunis Malaya Di Daerah Ulu Selangor	54
2.5.1 Hubungan Komunis Dalam Penempatan Setinggan Cina Derah Ulu Selangor	60
2.6 Ancaman Komunis Di Daerah Ulu Selangor	65
3.0 Kesimpulan	73



## **BAB 3 PELAKSANAAN RANCANGAN BRIGGS DALAM PENEMPATAN SEMULA DAERAH ULU SELANGOR**

3.1 Pengenalan	75
3.2 Rancangan Penempatan Semula Setinggan Cina	77
3.2.1 Penubuhan Jawatankuasa Setinggan 1948	80
3.3 Rancangan Briggs Dalam Penempatan Semula Setinggan Di Kampung Baru	89
3.3.1 Dasar Briggs Dalam Penempatan Kampung Baru	95
3.3.2 Program Penempatan Semula Setinggan Cina Ulu Selangor	100





3.3.3 Strategi Briggs Membasmi Komunis Di Kampung Baru Cina Ulu Selangor	112
4.0 Kesimpulan	124

#### **BAB 4 KEADAAN PENEMPATAN KOMUNITI KAMPUNG BARU CINA DAERAH ULU SELANGOR**

4.1 Pendahuluan	125
4.2 Petempatan Semula dibawah pentadbiran Sir Gerald Templer	127
4.3 Kampung-Kampung Baru Cina Di Daerah Ulu Selangor	132
4.3.1 Pentadbiran Dan Pengurusan Kampung Baru Cina	134
4.3.2 Kemudahan Jalan Raya	139
4.3.3 Sistem Perparitan	142
4.3.4 Kemudahan Bekalan Elektrik	144
4.3.5 Kemudahan Bekalan Air	145
4.3.6 Klinik/ ‘Dispensary’	149
4.3.7 Sekolah	154
4.3.8 Dewan Komuniti Kampung Baru	159
4.3.9 Kemudahan Pagar Keselamatan	162
4.3.10 Kemudahan Rumah Ibadat	153
4.3.11 Kemudahan Kubu Dan Menara	164
4.3.12 Alat Pencegah Kebakaran	166
4.4 Penubuhan Persatuan Dalam Kampung Baru	167
4.5 Bantuan British Terhadap Kegiatan Ekonomi Di Kampung Baru	175
4.6 Penglibatan MCA Dalam Hal Ehwal Kampung Baru Cina	178
5.0 Kesimpulan	183



**BAB 5 ISU DAN CABARAN KOMUNITI CINA DALAM KAMPUNG BARU DAERAH ULU SELANGOR.**

5.1 Pengenalan	185
5.2 Masalah Komuniti Cina Dalam Pembentukan Kampung Baru	186
5.2.1 Penempatan Semula Komuniti Kampung Baru Cina	188
5.2.2 Masalah Sekatan Makanan	190
5.2.3 Masalah Kegiatan Pertanian	193
5.2.4 Kelemahan Aspek Pertahanan	195
5.2.5 Isu Kerakyatan	199
5.2.6 Masalah Pelajaran	203
5.2.7 Masalah Petempatan Dan Pemilikan Tanah	207
5.2.8 Masalah Wabak Penyakit	212
5.2.9 Penguasaan Bahasa	214
5.2.10 Sumber Kewangan	216
5.2.11 Aktiviti Dan Pergerakan Anggota Masyarakat	218
5.3 Kesan Terhadap Masyarakat Daerah Ulu Selangor	220
5.3.1 Penglibatan Ahli Komuniti Dalam Pengurusan Kampung Baru	231
6.0 Kesimpulan	233

**BAB 6 RUMUSAN**

6.1 Rumusan	234
-------------	-----

**RUJUKAN****LAMPIRAN**



## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
2.1 Keluasan Tanah Mukim Daerah Ulu Selangor	39
2.2 Taburan Penduduk di Negeri Selangor Mengikut Kaum dan Daerah. 1931-1957	40
2.3 Guna Tanah Daerah Ulu Selangor 1947	43
2.4 Pemilikkan Tanah Daerah Ulu Selangor 1949	44
2.5 Kemasukan Kelompok Dialek Cina ke Negeri Tanah Melayu	47
3.1 Tugas dan Tanggungjawab Pasukan Keselamatan dan Polis	96
3.2 Senarai Ahli Jawatankuasa Majlis Perang Persekutuan	98
3.3 Jumlah Kampung Baru di Negeri Selangor 1952	101
3.4 Jawatankuasa Setinggan Negeri Selangor	106
3.5 Jumlah Bekalan Makanan Mengikut Peraturan (Sekatan Peredaran Makanan) Bagi Setiap Individu di Daerah Ulu Selangor	119 123
4.1 Senarai Kampung Baru Cina di Daerah Ulu Selangor	133
4.2 Komposisi Penduduk Kampung Baru di Daerah Ulu Selangor 1952	134
4.3 Pemasangan Lampu Keselamatan di Bangunan Polis	147
4.4 Pembekalan Air di Kawasan Kampung Baru di Ulu Selangor	150
4.5 Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di Ulu Selangor	153





4.6	Bilangan Kubu di Ulu Selangor	164
4.7	Kawasan Penubuhan Pasukan Pengawal Kampung Daerah Ulu Selangor	169
5.1	Pemberian Lot Tanah Kepada Penduduk Kampung Baru	208
5.2	Kategori Hak Milik Tanah Orang-Orang Cina di Kampung Baru	210
5.3	Taburan Penduduk di Negeri Selangor Mengikut Daerah (1947-1957)	221
5.4	Taburan Penduduk di Negeri Selangor Mengikut Kaum dan Bandar (1947-1957)	222
5.5	Jumlah Anggota Polis Persekutuan Mengikut Kaum	228





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xiii

## SENARAI PETA

No. Peta	Muka Surat
----------	------------

1.1 Peta Daerah Ulu Selangor 1950	3
-----------------------------------	---



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiiv

## SENARAI CARTA ORGANISASI

No. Carta Organisasi	Muka Surat
3.1 Struktur Organisasi Pentadbiran Penempatan Semula Kampung Baru	102
3.2 Struktur Organisasi Pentadbiran Penempatan Semula Negeri Selangor	104



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN

ADO	<i>Assistant District Officer</i>
API	Angkatan Pemuda Insaf
ARO	<i>Assistant Resettlement Officer</i>
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BMA	<i>British Military Administration</i>
CAO	<i>Chinese Affair Officer</i>
CEB	<i>Central Electric Board</i>
CASC	<i>Civil Administration Sub-Committee</i>
CO	<i>Colonial Office</i>
DO	<i>District Officer</i>
DWEC	<i>District War Executive Committee</i>
FWC	<i>Federal War Council</i>
GLU	<i>General Labour</i>
Hlm.	Halaman
HG	<i>Home Guard</i>
IPT	Institut Pengajian Tinggi
JKR	Jabatan Kerja Raya Tanah
JSEAH	<i>Journal of Southeast Asian History</i>
JSWC	<i>Johor State War Committee</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xvi

JSEAS	<i>Journal of Southeast Asian Studies</i>
PMFLU	<i>Pan Malayan Federation of Labour Union</i>
PKM	Parti Komunis Malaya
MCA	<i>Malayan Chinese Association</i>
MIC	<i>Malayan Indian Congress</i>
MPAJA	<i>Malayan People's Anti Japanese Army</i>
KMM	Kesatuan Melayu Muda
SSWC	<i>Selangor State War Committee</i>
SWEC	<i>State War Executive Committee</i>
TOL	<i>Temporary Occupation Licence</i>
Vol	<i>Volume</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Kampung baru Cina merupakan sebuah perkampungan semula penduduk yang telah dibentuk oleh pihak kolonial British melalui rancangan Briggs.<sup>1</sup> Pembentukan petempatan semula kampung baru Cina merupakan satu usaha pihak kolonial British dalam menyekat kolaborasi antara masyarakat Cina dengan pihak komunis di Tanah Melayu. Langkah pembentukan kampung baru ini merupakan tindakan pihak kolonial British dalam strategi mengembalikan keamanan dan menjaga kepentingan mereka di

---

<sup>1</sup> Rancangan Briggs merupakan satu rancangan untuk menghalang sebarang bentuk bantuan disalurkan daripada masyarakat kepada pihak gerila komunis. Rancangan ini melibatkan tindakan mengumpul dan memindahkan penduduk setinggan Cina yang tinggal di kawasan pinggir hutan ke dalam satu kawasan perkampungan yang dikawal rapi oleh anggota pasukan keselamatan. Kawasan penempatan tersebut juga dikelilingi pagar berduri untuk mengelakkan sebarang pencerobohan. Harold Briggs. *Report on The Emergency In Malaya From April to November 1951*. Print at the Government Printer, Kuala Lumpur. 1951. Hlm. 6.

Tanah Melayu. Keganasan yang telah dilakukan oleh anggota Parti Komunis Malaya (PKM) untuk menggugat kepentingan kolonial British di Tanah Melayu telah mengakibatkan keadaan huru-hara. Demi menjaga kepentingan kolonial British, undang-undang darurat diistiharkan pada tahun 1948.

## 1.2 Latar Belakang Kajian


Pembinaan kampung baru Cina merupakan satu langkah yang telah diambil oleh pihak kolonial British semasa zaman darurat di Tanah Melayu. Pengistiharan darurat ini kerana cita-cita politik Parti Komunis Malaya selepas Perang Dunia Kedua menyebabkan Parti Komunis Malaya telah mengubah hala-tuju perjuangan mereka di Tanah Melayu dalam mencapai matlamat parti tersebut membentuk Republik Demokratik Tanah Melayu beraliran komunis.<sup>2</sup> Perubahan dasar tersebut telah menyebabkan anggota PKM menggunakan kekerasan dalam mencapai matlamat mereka. Peristiwa darurat yang telah berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1948 telah memberikan pelbagai kesan yang besar kepada pembentukan Malaysia.

Pemberontakan Parti Komunis Malaya yang menjalankan gerakan perjuangan bersenjata di Tanah Melayu telah memberi kesan yang mendalam kepada negeri-negeri di Tanah Melayu. Di dalam negeri Selangor, daerah Ulu Selangor merupakan

---

<sup>2</sup> Gene. Z. Hanrahan. *The Communist Struggle In Malaya*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press. 1971. Hlm. 109. Lihat juga J.M Gullick. Malaya, second edition, Hlm. 97. Stenson For International Studies Papers In International Studies Southeast Asia Series No. 10, 1969. Hlm. 29. Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960: A Pictorial History*, Kuala Lumpur: AMR Holding Sdn Bhd. 2006. Hlm. 45.

antara daerah yang telah terlibat secara langsung dalam pemberontakan komunis dan telah disenarai sebagai kawasan hitam akibat berlakunya keganasan komunis.<sup>3</sup>



*Peta 1.1.* Peta daerah Ulu Selangor Tahun 1950. Sumber daripada Pusat R&D Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor. Profil Kampung daerah Ulu Selangor. Pejabat Daerah dan Tanah Ulu Selangor.

<sup>3</sup> RCP/PR/1049/48. 1948-1949. Emergencey Leaflets. Hlm. 2.

Daerah Ulu Selangor merupakan daerah yang terletak di dalam negeri Selangor. Lokasi daerah ini berada di bahagian utara negeri Selangor, bersempadan dengan negeri Perak di bahagian utara dan negeri Pahang sebelah timur. Dari sudut geografi, keluasan daerah Ulu Selangor merangkumi keluasan seluas 174,047 hektar. Daerah ini menjadi antara daerah tumpuan utama pihak komunis kerana daerah ini merupakan antara laluan pintu masuk yang dapat menghubungkan negeri Perak dengan negeri Pahang.

Ulu Selangor merupakan daerah yang terbesar daripada sembilan buah daerah di Selangor. Daerah ini merangkumi mukim iaitu Hulu Bernam, Kalumpang, Kuala Kalumpang, Sungai Gumut, Sungai Tinggi, Kerling, Ampang Pecah, Buluh Telor, Pertak, Rasa, Batang Kali, Hulu Yam, Rawang dan Serendah.<sup>4</sup> Masyarakat di daerah Ulu Selangor ini terdiri daripada masyarakat yang berbilang bangsa antaranya berbangsa Melayu, Cina, India dan penduduk Asli.<sup>5</sup> Keadaan geografi daerah Ulu Selangor ini yang berhampiran dengan kawasan hutan Banjaran Titiwangsa menyebabkan daerah ini tidak terlepas daripada ancaman gerakan pengganas komunis. Keadaan ini kerana pihak komunis telah menjadikan kawasan hutan sebagai kubu pertahanan dan markas gerakan bagi mengelakan ancaman pihak keselamatan dalam melancarkan pemberontakan.

Ulu Selangor merupakan antara daerah yang telah terlibat secara langsung dalam pelaksanaan dasar kolonial British menempatkan semula penduduk yang tinggal di kawasan setinggan masyarakat Cina ke dalam sebuah petempatan penduduk

---

<sup>4</sup> Laporan Tahunan. Pejabat Daerah & Tanah Ulu Selangor, 2007.

<sup>5</sup> Rahmat Saripan. *Masyarakat Melayu Abad ke -19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1991. Hlm. 30.

yang dibina secara berkelompok di perkampungan semula kampung baru. Pembentukan kawasan kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor merupakan satu strategi petempatan semula komuniti Cina ke dalam satu kawasan petempatan yang lebih tersusun dan mudah untuk dikawal. Rancangan penempatan semula masyarakat setinggan Cina ini telah ditetapkan oleh pentadbiran kolonial British bermula daripada penubuhan Jawatankuasa Setinggan 1948 dan diteruskan melalui pelaksanaan rancangan Briggs.

Pada tahun 1950, Sir Henry Gurney menyedari kepentingan untuk mengasingkan penduduk setinggan daripada pengaruh komunis yang bersembunyi di dalam hutan.<sup>6</sup> Dalam Majlis Mesyuarat Negara tahun 1950, pihak kolonial British telah meluluskan Rang Undang-undang yang membenarkan dasar penempatan semula setinggan ini dilaksanakan.<sup>7</sup> Rang Undang-undang yang membenarkan penempatan semula setinggan bertujuan bertujuan untuk menyekat masyarakat Cina daripada menyalurkan sebarang bentuk bantuan kepada gerakan komunis melalui gerakan “*Min Yuen*” atau tentera rakyat.<sup>8</sup>

Gerakan “*Min Yuen*” merupakan satu gerakan yang dianggotai oleh rakyat biasa majoriti terdiri daripada kalangan masyarakat Cina yang menunjukkan simpati kepada gerakan komunis. Gerakan ini memainkan peranan dalam mewujudkan

---

<sup>6</sup> Paul Markandan. *The Problem of The New Villages In Malaya*. Problem of Malaya Series - no 1. Published by Donald Moore: Singapore. 1955, Hlm. 6.

<sup>7</sup> *Ibid*, Hlm 6.

<sup>8</sup> CO 1022/187, *The Enemy in Malaya*, Times, 19 Februari 1952. Lihat juga dalam Harold Briggs. *Report on The Emergency In Malaya From April to November 1951*. Print at the Government Printer, Kuala Lumpur. 1951. Hlm. 6.

hubungan di antara pihak PKM dengan golongan rakyat.<sup>9</sup> Gerakan ini telah dikenal pasti sebagai nadi utama yang membolehkan gerakan komunis terus bergerak aktif dalam meneruskan dasar perjuangan mereka.<sup>10</sup> Di samping itu, penubuhan petempatan semula ini bertujuan untuk melindungi masyarakat Cina yang mendapat ancaman keganasan daripada Parti Komunis Malaya disebabkan mereka tidak memberikan kerjasama kepada gerakan komunis.

Dalam aspek kajian ini, fokus utama diberikan terhadap pembentukan komuniti kampung baru Cina di Ulu Selangor. Kajian pembentukan komuniti kampung baru Cina ini amat penting dijalankan untuk melihat asas kepada terbentuknya kawasan kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor. Penelitian juga turut dilakukan terhadap isu-isu yang berkisar dalam pembentukan petempatan semula masyarakat Cina ini setelah diletakan di dalam sistem perkampungan yang tersusun. Aspek yang dikaji ialah pelaksanaan dasar yang dilakukan kolonial British dalam mengekang pergerakan anggota komunis di daerah Ulu Selangor dengan mewujudkan petempatan semula masyarakat Cina yang tinggal di kawasan setinggan ke dalam sebuah komuniti perkampungan baru.

Dalam kajian ini juga, penyelidik mengkaji asas penubuhan petempatan semula kampung baru Cina ini terbentuk bermula daripada penempatan setinggan yang bertabur di sekitar kawasan daerah Ulu Selangor. Di samping itu, penyelidik

---

<sup>9</sup> CO 1022/187, 'The Enemy in Malaya', Times, 19 Februari 1952. Lihat juga dalam Gene Z. Hanrahan, *The Communist Struggle in Malaya*. Hlm. 119.

<sup>10</sup> CO 1022/178 EXC From F.M CID Intelligence Report August-September, Hlm. 175. Lihat Juga Gwee Hock Aun, *The Emergency in Malaya*. Hlm. 11-15. Gerakan Min Yuen bergerak aktif di kawasan penempatan setinggan yang terletak di kawasan luar bandar dan kawasan pinggir hutan yang telah muncul sejak zaman kemelesetan ekonomi pada tahun 1930 terutama ketika dalam pendudukan Jepun.

juga melihat matlamat dan dasar pelaksanaan dasar pentadbiran kolonial British dalam petempatan semula orang-orang Cina di kawasan petempatan kampung baru. Petempatan kampung baru yang telah dibentuk ini telah membawa kesan yang besar kepada kehidupan masyarakat Cina. Dasar kolonial British ini juga memberikan kesan kepada integrasi kaum di daerah Ulu Selangor dan terbentuknya sebuah penempatan berkelompok masyarakat yang terpisah mengikut pecahan kaum.

Proses penempatan semula setinggan Cina di kawasan daerah Ulu Selangor telah menyebabkan berlakunya proses pemindahan secara besar-besaran penduduk setinggan Cina yang tinggal di kawasan pinggir hutan.<sup>11</sup> Masyarakat setinggan ini telah diarahkan berpindah dan telah ditempatkan di kawasan yang terkawal dikelilingi pagar dan kawad berduri. Dasar petempatan semula masyarakat ini telah membawa perubahan yang besar kepada corak penempatan masyarakat di daerah ini. Usaha kolonial British dalam menghapuskan sebarang bentuk bantuan yang dapat disalurkan kepada pihak komunis telah menyebabkan penduduk setinggan Cina menghadapi pelbagai cabaran dalam meneruskan kehidupan di kawasan petempatan semula kampung baru.<sup>12</sup>

Pembinaan awal kampung baru ini telah membawa pelbagai cabaran dan masalah kepada penduduk. Masyarakat yang telah dipindahkan terpaksa memulakan

---

<sup>11</sup> Rancangan Briggs telah dilaksanakan di kawasan daerah Ulu Selangor dengan strategi memindahkan penduduk setinggan ke kawasan kampung baru. Antara perkampungan semula yang telah diwujudkan di daerah Ulu Selangor seperti Antara kawasan petempatan semula kampung baru yang telah diwujudkan di daerah Ulu Selangor ialah Kampung Baru Air Panas Kerling, Kampung Baru Rasa, Kampung Asam Kumbang, Kampung Baru Stesyen, Kampung Baru Gurney, Kampung Baru Bukit Chandang Batang Kali, Kampung Baru Damai Serendah, Kampung Baru Kundang, Kampung Baru Rawang, Kampung Baru Kuang dan Kampung Baru Sejantung Kalumpang. Sumber diubahsuai daripada B.A SEL 87/1953. *Employment In New Villages. Survey of Employment In New Villages In Selangor*. Hlm 1-20.

<sup>12</sup> Ho Hui Ling. Darurat 1948-1960 : *Keadaan Sosial Di Tanah Melayu*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur. 2004.

kehidupan baru di satu kawasan yang dikawal dengan rapi oleh pihak pasukan keselamatan. Dalam membentuk petempatan semula ini, pihak British telah menggunakan strategi ketenteraan untuk memindahkan penduduk daripada penempatan asal mereka. Keadaan ini telah menyebabkan masyarakat terus tertekan dengan pelbagai masalah akibat ancaman komunis dan dasar kolonial British yang mengarahkan penduduk berpindah ke kawasan petempatan baru dalam jangka masa yang singkat.

Pembentukan petempatan komuniti kampung baru Cina amat berkait rapat dengan peristiwa darurat yang berlaku di Tanah Melayu. Banyak kajian mengenai peristiwa darurat di Tanah Melayu yang berkaitan dengan petempatan semula komuniti masyarakat kampung baru Cina di Ulu Selangor contohnya penulisan Wong Siew Kuon dalam *Masalah-masalah Setinggan di daerah Hulu Langat Selangor 1948-1960*<sup>13</sup> dan penulisan Lim Cheng Seng bertajuk *Darurat dan Kampung Baru: Satu Kajian Kes di Hulu Langat 1948-1960*.<sup>14</sup> Kajian-kajian ini serba sedikit telah menerangkan latar belakang secara umum asas pembentukan komuniti kampung baru dalam pelaksanaan rancangan Briggs dan permasalahan dalam menghadapi ancaman pergerakan komunis di Tanah Melayu. Namun begitu, penulisan ini hanya menyentuh secara umum mengenai kampung baru Cina.

Oleh demikian, dalam kajian ini, penekanan utama diberikan kepada latar belakang penempatan setinggan masyarakat Cina di daerah Ulu Selangor, perkembangan pembentukan petempatan komuniti masyarakat Cina di daerah Ulu

---

<sup>13</sup> Wong Siew Kuon. *Masalah-masalah Setinggan di daerah Hulu Langat Selangor 1948-1960*: Tesis tidak diterbit, Institut Pengajian Tinggi Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

<sup>14</sup> Lim Cheng Seng. *Darurat dan Kampung Baru: Satu kajian kes di Hulu Langat 1948-1960*: Tesis tidak diterbit, Institute Pengajian Tinggi Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Selangor, pelaksanaan rancangan Briggs dalam petempatan semula masyarakat Cina yang tinggal di kawasan setinggan di persisir hutan, dan keadaan petempatan komuniti kampung baru Cina di Ulu Selangor. Selanjutnya, penyelidik juga melihat isu-isu yang timbul dalam komuniti kampung baru ini kesan daripada aktiviti-aktiviti pembangunan kampung baru Cina selepas petempatan semula masyarakat Cina di daerah Ulu Selangor. Penyelidik juga turut menilai tentang cabaran yang dihadapi oleh penduduk yang telah dipaksa berpindah dan masalah yang dihadapi berkaitan dengan pembangunan kampung baru Cina di daerah ini.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Pembentukan komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor merupakan satu bentuk perancangan yang telah dirangka untuk menyekat hubungan di antara komuniti Cina dengan gerakan anggota Parti Komunis Malaya. Penduduk yang tinggal di kawasan penempatan komuniti Cina yang terletak di kawasan setinggan berhampiran hutan dilihat cenderung dalam membantu pihak komunis melalui cara penyaluran bantuan daripada segi makanan, perlindungan dan ubat-ubatan. Gerakan komunis yang telah menggugat ketenteraman awam dengan melakukan pelbagai bentuk keganasan terhadap masyarakat telah menyebabkan berlakunya huru-hara di daerah Ulu Selangor.

Dalam usaha mengatasi dan menyekat pergerakan komunis setelah darurat diistiharkan, Leftenan Jeneral Sir Harold Rowdon Briggs yang telah dilantik sebagai pengarah operasi darurat dibawah pentadbiran Sir Henry Gurney telah melaksanakan

tindakan pencegahan dalam tindakan pelan yang dikenali sebagai Rancangan Briggs. Rancangan ini merupakan strategi untuk memutuskan sumber kekuatan pihak komunis dengan cara memindahkan penduduk setinggan Cina dari kawasan-kawasan terpencil dan kawasan penempatan setinggan yang bertaburan ke satu kawasan perkampungan baru yang berkelompok.<sup>15</sup> Pembentukan penempatan semula ini merupakan usaha membenteras ancaman komunis melalui cara menyekat koloberasi antara masyarakat Cina dengan pihak komunis. Asas penubuhan kawasan petempatan semula kampung baru kaum Cina ini terbentuk berdasarkan persamaan etnik kaum yang disatukan dalam satu komuniti bangsa.

Namun begitu, pembentukan komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor mempunyai isu-isu dalaman yang timbul berkaitan masalah penempatan semula komuniti kampung baru seperti masalah sekatan makanan, masalah dalam menjalankan kegiatan pertanian, kelemahan aspek pengawalan keselamatan penduduk di kawasan kampung baru dan isu kerakyatan. Di samping itu juga, komuniti kampung baru Cina juga menghadapi masalah pembelajaran, petempatan dan hak pemilikan tanah penduduk, penyebaran wabak penyakit, masalah penguasaan bahasa Melayu dan masalah sumber kewangan. Dibawah pentadbiran Sir Gerald Templer, beliau telah menerusangkan usaha yang telah dilaksanakan dalam Rancangan Briggs melalui pendekatan memenangi hati dan minda masyarakat telah berjaya mengurangkan sokongan masyarakat kepada pemberontakan komunis. Penempatan semula kampung baru merupakan dasar yang menyebabkan usaha pembenterasan komunis dapat dilaksanakan dan secara tidak langsung telah melumpuhkan kekuatan pihak komunis di daerah Ulu Selangor.

---

<sup>15</sup> Harold Briggs. Report on The Emergency In Malaya From April to November 1951. Kuala Lumpur: Print at the Government Printer. 1951. Hlm. 6.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Dalam kajian ini, penyelidik meletakkan beberapa objektif.

- a) Mengkaji latar belakang penempatan masyarakat Cina di daerah Ulu Selangor
- b) Mengenalpasti keberkesanan pelaksanaan rancangan Briggs dalam penempatan semula komuniti Cina di daerah Ulu Selangor
- c) Menganalisis keadaan penempatan semula kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor.
- d) Menilai isu dan cabaran komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor.

#### **1.5 Soalan Kajian**

- a) Bagaimanakah latar belakang pembentukan penempatan masyarakat Cina di daerah Ulu Selangor?
- b) Sejauhmanakah keberkesanan pelaksanaan rancangan Briggs dalam penempatan semula komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor?
- c) Bagaimanakah keadaan penempatan kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor?
- d) Apakah isu dan cabaran yang dihadapi oleh komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor?

### **1.6 Skop Kajian**

Batasan kajian dalam penulisan ini meliputi dari tahun 1948 sehingga tahun 1957.

Skop kajian penyelidik tertumpu kepada pembentukan dan pelaksanaan rancangan penempatan semula komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor. Walaupun pengistiharan undang-undang darurat di Tanah Melayu telah ditamatkan pada tahun 1960, namun batasan penyelidikan kajian hanya akan berfokus dalam tempoh jangka masa tahun 1948 sehingga tahun 1957. Skop tempoh kajian dibataskan sehingga tahun 1957 kerana pengkajian yang dilaksanakan hanya dilakukan semasa Tanah Melayu masih dibawah pemerintahan kolonial British dan berfokus sebelum kolonial British mengistiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Penyelidikan dihadkan kepada dasar kolonial British semasa zaman darurat melalui pelaksanaan Rancangan Briggs dalam kawasan penempatan semula komuniti Cina yang lebih tersusun ke dalam kampung baru serta isu-isu yang berkisar terhadap komuniti Cina dalam pembentukan kampung baru ini. Kajian dilakukan di kawasan penempatan semula kampung baru yang majoriti penduduknya terdiri daripada penduduk kaum Cina. Pengkaji juga memperlihatkan isu dan cabaran-cabaran yang telah dihadapi oleh komuniti Cina kampung baru ini di Ulu Selangor dalam menyelusuri dasar yang telah dilaksanakan dalam rancangan Briggs. Kajian yang dilakukan ke atas pembentukan komuniti kampung baru Cina ini telah mencetuskan idea daripada sudut kesinambungan kampung baru Cina terhadap integrasi kaum di daerah Ulu Selangor.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian yang dibuat ini untuk memudahkan masyarakat memahami latar belakang utama pembentukan komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor. Kajian ini juga mampu menjelaskan faktor sebenar berlakunya pembentukan penempatan semula masyarakat kaum Cina ke dalam kampung baru. Di samping itu juga, melalui kajian ini, penerangan terhadap isu, cabaran dan masalah yang dihadapi oleh komuniti kampung baru Cina ini diharap dapat menghapuskan perasaan prajudis di antara bangsa Melayu dengan bangsa Cina. Kajian ini sesuai untuk dijadikan garis panduan kepada masyarakat dalam usaha membentuk keharmonian dan toleransi kaum di Malaysia. Di samping itu, melalui kajian ini juga tumpuan dan perhatian dapat diberikan terhadap isu dan cabaran yang dihadapi oleh komuniti Cina di kawasan penempatan semula kampung baru dan penyelesaian terbaik dapat dikenalpasti untuk mengatasi isu dan masalah yang dihadapi oleh komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor.

Kajian ini juga penting untuk mengubah tanggapan umum masyarakat terhadap masyarakat kampung baru Cina yang menganggap semua penduduk komuniti kampung baru Cina merupakan bangsa yang menganut ideologi komunis. Kajian ini memaparkan keadaan bangsa Cina yang terhimpit akibat ancaman komunis dan dasar kolonial British yang tegas terhadap bangsa mereka. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi hasil kajian sejarah yang lebih berguna dan bermanfaat sebagai bahan rujukan kepada semua lapisan masyarakat. Kajian ini juga mempunyai kepentingan kepada pelajar-pelajar sama ada di sekolah mahupun Institut Pengajian

Tinggi (IPT) yang menjalankan kajian terhadap pembentukan komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor.

### **1.8 Metodologi Kajian**

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dan manuskrip menggunakan penyelidikan bahan Arkib.<sup>16</sup> Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen dan manuskrip telah digunakan untuk menjawab empat soalan kajian dengan memperoleh sumber primer iaitu dokumen dan manuskrip yang terdapat di Arkib Negara Malaysia seperti file. Fail yang dianalisis seperti fail-fail Jabatan Perdana Menteri, fail Colonial Office Ulu Selangor, fail British Adviser's office Selangor, Annual Report, fail Kementerian Pertahanan dan fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Selain itu penyelidik juga menganalisis surat-menyurat seperti surat daripada Residen British kepada Menteri Besar Selangor dan juga surat-surat persendirian. Keratan akhbar juga digunakan dalam kajian ini seperti akbar The Straits Times, The Times, The China Press dan Indian Daily Mail mengenai peristiwa darurat dan kampung baru Cina.

Penyelidik juga telah menggunakan sumber kedua untuk menyokong kajian ini dengan membuat kajian di perpustakaan institut pengajian tinggi yang terdapat di Malaysia seperti perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan

---

<sup>16</sup> Kaedah kualitatif adalah kajian menggunakan data bersifat kualitatif yang boleh diprolehi melalui cara pemerhatian, temubual, analisis dokumen atau apa-apa cara untuk mendapatkan data yang lengkap. Lihat Bilcher Bala. *Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2000. Hlm. 112.

Perpustakaan Negara Malaysia. Penyelidik juga telah membuat kajian lapangan dengan menemubual individu serta tokoh-tokoh penting di kalangan penduduk yang tinggal di kawasan petempatan semula kampung baru Cina di kawasan daerah Ulu Selangor. Sumber temubual ini digunakan untuk mendapatkan maklumat awal daripada penduduk yang telah melalui kehidupan dalam proses pembentukan penempatan semula dibawah Rancangan Briggs. Sumber temubual tersebut akan dinilai semula melalui membuat rujukan semula menggunakan dokumen arkib negara untuk memastikan kesahihan sumber.

Dalam kajian ini juga, pengkaji menulis hasil laporan kajian menggunakan beberapa kaedah penulisan yang bersesuaian dengan perbincangan dalam setiap bab. Penyelidik menggunakan penulisan berbentuk deskriptif dengan membuat pembahagian bab secara tematik untuk menghasilkan penulisan dan penerangan lebih jelas dalam kajian ini.<sup>17</sup> Pendekatan penilaian data dan dapatan akan dibuat secara analitikal serta tafsiran secara hermeneutic untuk memastikan memastikan sumber yang diperolehi dapat disampaikan secara jelas.<sup>18</sup> Pengkaji juga membuat penilitian terhadap kajian-kajian terdahulu sebagai sumber pensejarahan berkaitan dengan kajian ini oleh pengkaji-pengkaji terdahulu hasil penemuan mereka yang telah diterbitkan atau belum diterbitkan sebagai bahan kajian dan analisis oleh pengkaji untuk melihat koheran kajian ini seperti buku, jurnal dan tesis. Hasilnya, penyelidik dapat menilai setiap data sebelum membuat kajian. Kaedah penulisan ini penting untuk pengkaji menghasilkan penulisan sejarah yang bersifat kritis.

---

<sup>17</sup> John W. Creswell. *Educational Research Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*: Lincoln. University of Nebraska. Hlm. 54.

<sup>18</sup> Teknik penulisan secara terperinci dengan menggunakan data-data yang diperolehi. Lihat John W. Creswell. *Educational Research Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*: Lincoln. University of Nebraska. Hlm. 65.

### 1.9 Kajian Lepas

Berdasarkan kepada tinjauan yang dilakukan oleh penyelidik, terdapat beberapa tulisan kajian lepas yang memaparkan bentuk kajian seperti yang dikaji oleh penyelidik. Kajian ini dijadikan sumber rujukan dalam memahami secara menyeluruh berkenaan sejarah pembentukan kampung baru Cina dalam zaman darurat. Buku penulisan *Victor Purcell, Malaya: Communist or Free?*<sup>19</sup> merupakan sebuah penulisan yang mengandungi maklumat secara menyeluruh mengenai zaman darurat dengan kajian yang memaparkan latar belakang antarabangsa yang memberikan pengaruh terhadap perkembangan komunisme di Tanah Melayu. Dalam penulisan ini juga, penulis memaparkan tindakan pihak kolonial British dalam mengatasi ancaman komunis. Beliau telah menghurai dasar dan propaganda yang telah dilakukan oleh pihak Parti Komunis Malaya dalam menjayakan agenda perjuangan mereka di Tanah Melayu.

Kajian keadaan darurat hasil penulisan Victor Purcell ini dapat memberi gambaran umum kepada penyelidik terhadap keadaan masyarakat sebelum kewujudan petempatan semula kampung baru. Namun begitu, penulis tidak menyentuh pembentukan kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor. Kajian yang dijalankan oleh Victor Purcell ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik dalam mengkaji komuniti masyarakat kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor. Penyelidik menjalankan pengkajian secara mendalam tentang sejarah pembentukan komuniti kampung baru Cina yang tertumpu di kawasan daerah Ulu Selangor dan

---

<sup>19</sup> Victor Purcell. *Malaya: Communist or Free?* Stanford, California: Stanford University Press, 1954.

menemui jumpaan baru semasa proses penempatan semula masyarakat Cina di daerah Ulu Selangor.

Selain itu, antara bahan yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian penyelidik ialah buku penulisan Anthony Short, *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*.<sup>20</sup> Kajian ini telah menekankan mengenai keadaan darurat di Tanah Melayu yang mempengaruhi pembentukan kampung baru di Tanah Melayut. Dalam kajiannya, pengkaji menyatakan keadaan huru-hara yang dilakukan oleh pihak komunis menyebabkan darurat di Selangor sehingga menyebabkan berlakunya proses petempatan semula masyarakat ke kawasan kampung baru. Penulis juga mengetengahkan kerelevenan tindakan kolonial British dalam melaksanakan tindakan menghapuskan kawasan penempatan setinggan masyarakat Cina.

Kajian terhadap keadaan darurat terhadap pembentukan kampung baru ini telah dapat memberi gambaran umum kepada penyelidik terhadap keadaan kewujudan kampung baru. Namun begitu, penulisan ini tidak menyentuh pembentukan kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor. Kajian yang dijalankan oleh Anthony Short ini berbeza dengan kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik dalam mengkaji komuniti masyarakat kampung baru Cina di Daerah Ulu Selangor. Penyelidik menjalankan pengkajian secara mendalam sejarah pembentukan komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor dan menemui jumpaan baru semasa proses petempatan semula masyarakat Cina di daerah Ulu Selangor.

---

<sup>20</sup> Short, Anthony. *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*. London: Frederick Muller Limited. 1975.

Penulisan Ho Hui Ling dalam kajian Doktor falsafah juga telah menyentuh secara umum terhadap tajuk kajian yang dikaji oleh penyelidik. Penulisan beliau bertajuk *Darurat 1948-1960 : Keadaan Sosial Di Tanah Melayu* ini telah menghurai keadaan sosial masyarakat di Tanah Melayu semasa zaman darurat.<sup>21</sup> Beliau telah menyentuh secara terperinci keadaan kehidupan masyarakat yang terhimpit akibat huru-hara yang berlaku akibat dasar ketenteraan yang telah dijalankan oleh pihak Parti Komunis Malaya. Melalui kajian beliau ini, pengkaji dapat mengetahui secara umum gambaran kesan kepada masyarakat akibat peristiwa darurat yang dikuatkuasakan di Tanah Melayu.

Namun begitu, penulisan beliau ini tidak menyentuh secara khusus terhadap pembentukan kampung baru di daerah Ulu Selangor. Walaupun terdapat kajian beliau yang menyentuh tentang kampung baru, namun begitu, penulisan beliau hanya menyentuh berkenaan pembentukan kampung baru secara umum di Tanah Melayu. Kajian ini merupakan rujukan yang amat berguna kepada penyelidik dan telah menambah pemahaman penyelidik terhadap asas kajian yang akan dikaji. Namun begitu, kajian ini berbeza dengan kajian penyelidik kerana dalam kajian yang akan dilakukan, penyelidik memberi tumpuan utama kepada pembentukan komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor. Kajian beliau juga berbeza kerana penyelidik menekankan secara khusus isu dan cabaran yang dihadapi oleh penduduk kampung baru Cina di Ulu Selangor dalam menyesuaikan diri di kawasan petempatan semula kampung baru.

---

<sup>21</sup> Ho Hui Ling. *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial Di Tanah Melayu*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur. 2004.

Manakala, melalui penulisan Wong Siew Kuon dalam *Masalah-masalah setinggan di daerah Hulu Langat Selangor 1948-1960* juga menyentuh mengenai penempatan kampung baru yang diwujudkan dalam rancangan Briggs di Selangor.<sup>22</sup> Dalam penulisan ini, beliau menyentuh mengenai keadaan setinggan Cina sebelum darurat 1948 dan masalah yang dihadapi oleh komuniti Cina. Penyelidik dapat memahami maklumat berkaitan dengan sejarah awal penempatan masyarakat Cina, perkembangan ekonomi dan infrastruktur daerah dan keadaan masyarakat awal di daerah Hulu Langat Selangor. Walaupun penulisan ini tidak menyatakan secara khusus mengenai pembentukan kampung baru di daerah Ulu Selangor, penyelidik dapat memahami secara umum corak kehidupan dan sosioekonomi masyarakat Cina dalam penempatan setinggan di negeri Selangor.

Melalui rujukan terhadap kajian beliau ini, penyelidik telah mendapat gambaran terhadap ancaman penempatan setinggan kepada pihak British. Secara tidak langsung, rujukan ini telah dapat memberikan kefahaman yang mendalam terhadap peristiwa darurat yang menyebabkan terbentuknya komuniti masyarakat kampung baru. Namun begitu, dalam kajian Wong Siew Kuon, sumber yang digunakan adalah terbatas berbanding penyelidik yang menggunakan sumber yang tidak terhad dan berdasarkan sumber primer. Selain itu, kajian Wong Siew Kuon ini berbeza dengan kajian penyelidik kerana dalam kajian yang akan dilakukan, penyelidik memberi tumpuan utama kepada pembentukan komuniti kampung baru Cina selepas petempatan semula masyarakat Cina di daerah Ulu Selangor secara keseluruhan.

---

<sup>22</sup> Wong Siew Kuon. *Masalah-masalah Setinggan di daerah Hulu Langat Selangor 1948-1960*. Tesis tidak diterbit, Institute Pengajian Tinggi Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.

Di samping itu, dalam kajian ilmiah penulisan Lin Chee Kheong daripada Universiti Malaya Kuala Lumpur bertajuk *Darurat 1948-1960 dengan rujukan khas kepada negeri Pahang* juga menyentuh mengenai tajuk yang mempunyai perkaitan dengan kajian penyelidik.<sup>23</sup> Dalam kajian ini, penyelidik telah menekankan mengenai peristiwa darurat yang berlaku di negeri Pahang. Penyelidik juga menyatakan secara umum kesan akibat daripada peristiwa darurat yang membawa kepada penubuhan petempatan semula kampung baru di Pahang. Walaupun kajian beliau ini dilakukan terhadap negeri Pahang, rujukan ini mampu meningkatkan kefahaman penyelidik terutama berkaitan dengan isu dan cabaran yang berlaku semasa zaman darurat di Tanah Melayu.

Namun begitu, dalam penulisan Lin Chee Kheong, pembentukan petempatan kampung baru ini hanya disentuh secara umum berkenaan faktor pembentukan kampung baru di negeri Pahang semasa zaman darurat. Kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh penyelidik kerana penekanan dalam kajian yang dilakukan, penyelidik akan memfokuskan kajian komuniti kampung baru Cina di dalam daerah Ulu Selangor berbanding dengan penulisan Lin Chee Kheong yang hanya mengkaji keadaan darurat di negeri Pahang. Kajian yang dilakukan oleh Lin Chee Kheong ini berbeza dengan penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik kerana penyelidik akan mengkaji pembentukan komuniti petempatan kampung baru Cina di Ulu Selangor secara mendalam dengan menyentuh mengenai asas, pelaksanaan dan implikasi akibat pembentukan komuniti kampung baru Cina di Ulu Selangor.

---

<sup>23</sup> Lin Chee Kheong. *Darurat 1948-1960 dengan rujukan khas kepada negeri Pahang*. 1992. Tesis tidak diterbit, Institut Pengajian Tinggi Universiti Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Penyelidik juga memaparkan secara terperinci keadaan petempatan komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor secara menyeluruh. Dalam kajian penyelidik juga, isu, cabaran dan masalah yang dihadapi oleh komuniti kampung baru Cina juga diberikan fokus utama. Daripada aspek sumber rujukan, kajian penulisan Lin Chee Kheong ini berbeza daripada kajian yang dilakukan oleh penyelidik kerana penyelidik menggunakan sumber utama daripada bahan primer seperti dokumen dan manuskrip yang diperoleh daripada arkib negara yang memfokuskan kepada penelitian sumber rujukan di negeri Selangor.

Penulisan seorang pegawai Inggeris John Cloake<sup>24</sup> “*Templer, Tiger Of Malaya*” telah memaparkan maklumat terperinci daripada fail Pejabat Perang dan Pejabat Tanah Jajahan di London. Melalui penulisan beliau, penulis telah menyatakan langkah yang diambil oleh pihak kolonial British dalam menghadapi ancaman komunis. Dalam penulisan ini juga terdapat pelbagai maklumat berkenaan program untuk menentang komunis yang diketuai oleh Templer seperti program “*Heart and Mind*.” Dalam penulisan ini, beliau menyentuh juga berkenaan settingan Cina sebelum darurat 1948. Penyelidik juga dapat memahami maklumat berkaitan dengan tindakan pihak British dalam usaha menyekat gerakan komunis. Walaupun penulisan ini tidak menyatakan secara khusus mengenai pembentukan kampung baru di daerah Ulu Selangor, rujukan ini mampu memberikan pendedahan penting yang bermanfaat yang kepada penyelidik dan secara tidak langsung dapat memberikan kefahaman berkaitan corak kehidupan dan sosioekonomi masyarakat Cina dalam penempatan settingan di negeri Selangor.

---

<sup>24</sup> John Cloake. *Templer : Tiger of Malaya- The Life of Field Marshall. Sir Gerald Templer*. Harrap: London. 1985.

Melalui rujukan terhadap kajian beliau ini telah memberikan kefahaman yang mendalam terhadap peristiwa darurat yang menyebabkan terbentuknya komuniti masyarakat kampung baru. Namun begitu, dalam kajian John Cloake ini, sumber yang digunakan adalah secara umum di Tanah Melayu berbanding penyelidik yang menggunakan sumber yang lebih berfokuskan kepada negeri Selangor. Selain itu, kajian John Cloake ini berbeza dengan kajian penyelidik kerana dalam kajian yang akan dilakukan, penyelidik memberi tumpuan utama kepada pembentukan komuniti kampung baru Cina selepas petempatan semula masyarakat Cina di daerah Ulu Selangor secara keseluruhan.

Selain itu, kajian Misman Ramly dalam penulisan yang berjudul *Darurat di Negeri Selangor 1948-1960* telah menyentuh mengenai keadaan darurat yang berlaku di negeri Selangor secara terperinci.<sup>25</sup> Penulisan kajian ini dapat memberi gambaran umum kepada penyelidik terhadap peristiwa darurat yang telah berlaku di negeri Selangor. Namun begitu, kajian yang telah dihasilkan pada tahun 1982 ini hanya membincangkan mengenai aspek-aspek darurat, kesan darurat kepada masyarakat di negeri Selangor dan petempatan kampung baru di negeri Selangor secara umum sahaja. Kajian ini tidak memberi penekanan terhadap kajian terhadap setiap daerah terutama di daerah Ulu Selangor.

Walaupun kajian mengenai kampung baru dinyatakan dalam kajian ini, namun begitu, maklumat-maklumat mengenai kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor tidak diberi penekanan khusus. Kajian ini tidak dapat memberi gambaran khusus kepada pembentukan kampung baru di daerah Ulu Selangor. Penulisan ini berbeza

---

<sup>25</sup> Misman Ramly. *Darurat di Negeri Selangor 1948-1960*. Tesis tidak diterbit, Institute Pengajian Tinggi Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. 1982.

dengan penulisan penyelidik yang membuat mengkaji secara khusus mengenai komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor. Selain itu, dalam kajian Misman Ramly, penekanan secara terperinci tidak diberikan terhadap keadaan petempatan komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor kerana penulis hanya membincangkan keadaan darurat secara umum di negeri Selangor. Berbeza dengan kajian yang dibuat oleh penyelidik, penekanan khusus telah diberikan dalam melihat kesan darurat di daerah Ulu Selangor yang mendorong dasar petempatan semula setinggan Cina dalam rancangan Briggs. Penyelidik juga membuat penelitian tehadap keadaan selepas petempatan semula setinggan Cina dalam kampung baru dan menilai isu dan masalah yang dihadapi penduduk kampung baru di daerah Ulu Selangor.

Dalam penulisan Paul Markandan bertajuk *The Problem Of The New Villages In Malaya* juga telah menyentuh mengenai tajuk yang mempunyai perkaitan dengan kajian penyelidik.<sup>26</sup> Dalam penulisan ini, penyelidik telah menyentuh mengenai masalah darurat yang telah menyebabkan kebimbangan pihak kolonial British terhadap kolaborasi dan sokongan yang diberikan oleh orang Cina kepada gerakan komunis. Selain itu, penulisan Paul Markandan juga telah menyentuh mengenai masalah yang dihadapi dalam pembentukan penempatan kampung baru di Tanah Melayu. Penyelidik juga menyatakan secara umum masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung baru di seluruh Tanah Melayu. Rujukan ini telah memberikan kefahaman kepada penyelidik berkaitan berkaitan dengan isu dan cabaran yang berlaku dalam pembentukan kampung baru semasa zaman darurat di Tanah Melayu secara umum.

---

<sup>26</sup> Paul Markandan. *The Problem Of The New Villages In Malaya*. Problem of Malaya Series - no 1. Published by Donald Moore: Singapore. 1955.

Namun begitu, dalam penulisan Paul Markandan, masalah pembentukan kampung baru ini hanya disentuh secara umum. Kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh penyelidik kerana dalam kajian yang dilakukan, penyelidik akan memfokuskan kajian terhadap keadaan petempatan kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor. Selain itu, penyelidik juga akan menyatakan secara khusus mengenai isu dan masalah yang dihadapi oleh penduduk dalam pembentukan kampung baru Cina di dalam daerah Ulu Selangor berbanding dengan penulisan Paul Markandan yang hanya mengkaji secara umum di seluruh Tanah Melayu. Kajian yang dilakukan oleh Paul Markandan ini juga berbeza dengan penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik kerana penyelidik akan mengkaji pembentukan komuniti petempatan kampung baru Cina di Ulu Selangor secara mendalam dengan menyentuh mengenai pembentukan komuniti kampung baru Cina di Ulu Selangor.

Selain itu, kandungan penulisan Ray Nyce dalam *Chinese New Village in Malaya* juga telah menyentuh secara umum terhadap tajuk kajian yang dikaji oleh penyelidik. Penulisan beliau ini telah menghurai asas pembentukan kampung baru Cina di Tanah Melayu semasa zaman darurat.<sup>27</sup> Beliau telah menyentuh secara terperinci latar belakang pembentukan kampung baru Cina di Tanah Melayu semasa zaman darurat pada tahun 1948 sehingga tahun 1960. Melalui kajian beliau ini, pengkaji dapat mengetahui gambaran awal secara umum pembentukan kampung baru Cina di Tanah Melayu kesan daripada peristiwa darurat. Penulisan ini juga dapat memberikan pemahaman kepada pengkaji terhadap faktor pembentukan kawasan penempatan semula kampung baru.

---

<sup>27</sup> Ray Nyce. *Chinese New Villages in Malaya. A Community Study*: Malayan Sociological Research Institute Ltd. Singapura. 1973.

Namun begitu, penulisan beliau ini tidak menyentuh secara khusus terhadap pembentukan komuniti kampung baru Cina di Ulu Selangor. Walaupun kajian dilakukan terhadap kampung baru Cina, namun begitu, penulisan beliau tersebut hanya menyentuh secara umum di Tanah Melayu. Kajian ini merupakan salah satu sumber rujukan yang amat berguna kepada penyelidik dan telah menambah pemahaman penyelidik terhadap asas kajian yang akan dikaji. Kajian ini berbeza dengan kajian penyelidik kerana dalam kajian yang akan dilakukan, penyelidik memberi tumpuan utama kepada pembentukan komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor.

Selain itu juga, kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh penyelidik kerana fokus utama kajian yang dilakukan oleh penyelidik untuk melihat pembentukan komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor dalam aspek pelaksanaan dasar Briggs. Pengkaji juga akan mengkaji masalah dan cabaran yang dihadapi oleh komuniti dalam kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor. Kajian ini berbeza dengan kajian dalam penulisan Kernal Singh Sandhu kerana kajian yang dilakukan juga tidak menyentuh mengenai masalah yang dihadapi oleh komuniti Cina di dalam petempatan kampung baru. Berbeza dengan kajian yang dibuat, fokus utama dalam isu dan masalah yang dihadapi oleh komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor telah diberi penekanan khusus.

Dalam aspek sumber kajian, Ray Nyce telah menggunakan sumber penulisan secara umum merujuk pembentukan kampung baru Cina di Tanah Melayu dalam penulisan buku beliau *Chinese New Village in Malaya*. Namun begitu, dalam kajian yang dibuat oleh penyelidik dalam kajian terhadap pembentukan komuniti kampung

baru Cina di daerah Ulu Selangor, sumber yang digunakan dalam merujuk kepada sumber bahan arkib yang memfokuskan sumber rujukan berkaitan pembentukan kampung baru di negeri Selangor terutama di sekitar daerah Ulu Selangor.

Di samping itu, dalam penulisan Mohamed Salleh Lamry, bertajuk *Abu Samah Mohd Kassim : Pejuang Kiri Kemerdekaan Zuriat Datuk Bahaman* juga menyentuh mengenai tajuk yang mempunyai perkaitan dengan kajian penyelidik.<sup>28</sup> Dalam kajian ilmiah ini, penyelidik telah memaparkan secara kronologi peristiwa yang berlaku semasa zaman darurat. Dalam penulisan beliau, penulis telah memaparkan keadaan pihak komunis semasa menghadapi zaman darurat. Dalam penulisan beliau ini, penulis memperlihatkan keberkesanan dan kelemahan yang berlaku dalam pelaksanaan dasar Briggs untuk memutuskan hubungan di antara pihak komunis dengan setinggan Cina. Dalam penulisan ini juga, penyelidik dapat melihat kepentingan kawasan penempatan setinggan Cina dan penempatan orang asli dalam membantu pihak komunis semasa menghadapi kempen darurat yang dijalankan di seluruh Tanah Melayu.

Dalam penulisan Mohamed Salleh Lamry, bertajuk *Abu Samah Mohd Kassim : Pejuang Kiri Kemerdekaan Zuriat Datuk Bahaman* juga menekankan mengenai peristiwa darurat yang berlaku di Tanah Melayu. Kajian beliau ini memaparkan perjalanan yang dilalui oleh Abu Samah dalam menentang pihak Kolonial British. Penulisan ini menilai perjuangan komunis dalam menentang penjajahan kolonial British. Penyelidik juga menyatakan secara umum kesan akibat daripada peristiwa

---

<sup>28</sup> Mohamed Salleh Lamry. Abu Samah Mohd Kassim: Pejuang Kiri Kemerdekaan Zuriat Datuk Bahaman. Strategic Information and Research Development Centre. 2008.

darurat yang membawa kepada penubuhan kampung baru di seluruh Tanah Melayu. Penulisan ini dilihat menilai perjuangan pihak Parti Komunis Malaya dalam mencapai kemerdekaan Tanah Melayu daripada kaca mata pihak yang menganut ideologi komunis. Rujukan ini mampu meningkatkan kefahaman penyelidik terutama berkaitan dengan isu dan cabaran yang berlaku semasa zaman darurat di Tanah Melayu. Namun begitu, dalam penulisan Mohamed Salleh Lamry, pembentukan komuniti kampung baru ini hanya disentuh secara umum dalam aspek kepentingan menyalurkan bantuan kepada perjuangan pihak komunis.

Kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh penyelidik kerana penekanan dalam kajian yang dilakukan, penyelidik akan memfokuskan kajian di dalam daerah Ulu Selangor berbanding dengan penulisan Mohamed Salleh Lamry, yang hanya memaparkan perjalanan seorang pejuang komunis di Tanah Melayu. Kajian yang dilakukan oleh penulisan Mohamed Salleh Lamry ini juga berbeza dengan penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik kerana penyelidik akan mengkaji pembentukan komuniti petempatan kampung baru Cina di Ulu Selangor secara mendalam dengan menyentuh mengenai pembentukan komuniti kampung baru Cina di Ulu Selangor. Namun begitu, penulisan ini dapat memberi gambaran umum kepada penyelidik kepentingan penempatan setinggan Cina dalam menyokong gerakan komunis.

Bagi penyelidik, penggunaan sumber rujukan yang digunakan kebanyakannya adalah relevan dengan kajian penyelidik terhadap kajian berkenaan pembentukan komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor. Kebanyakan sumber yang digunakan penyelidik sememangnya membantu dalam melaksanakan kajian terperinci

tentang komuniti kampung baru Cina di daerah ini. Walau bagaimanapun, penyelidik mencuba sedaya upaya untuk mencari pelbagai sumber rujukan lain yang boleh membantu penyelidik dalam melengkapkan kajian ini. Rujukan yang relevan mampu membantu penyelidik menyenaraikan input-input maklumat yang diharapkan berkaitan dengan kajian berkenaan pembentukan komuniti kampung baru Cina. Penyelidik berhasrat untuk menjadikan penulisan ilmiah ini sebagai satu kajian yang baharu yang dapat dijadikan rujukan kepada semua pihak dan mampu mengutarakan sesuatu idea yang khusus untuk menghapuskan perasaan prajudis antara kaum di Malaysia dalam membentuk sebuah negara yang harmoni. Kajian ini juga dapat digunakan dalam menyulusuri sejarah perjuangan komuniti kampung baru Cina dalam meneruskan kehidupan.

## **1.10 Definisi Istilah**

### **Komuniti**

Komuniti dalam Bahasa Melayu menurut kamus pelajar dewan bahasa dan pustaka merujuk kepada orang yang tinggal menetap di suatu tempat daerah, negara di bawah satu pemerintahan masyarakat keseluruhannya. Komuniti juga membawa maksud tempat yang di diamti oleh sesuatu masyarakat. Komuniti boleh diertikan sebagai sekelompok individu yang tinggal di suatu tempat dan saling berinteraksi antara satu sama lain sama ada benda hidup dan benda bukan hidup yang lain<sup>29</sup>

---

<sup>29</sup> Kamus Pelajar Edisi Kedua

## Kampung Baru

Istilah kampung membawa maksud sebuah kawasan kediaman yang terdiri daripada sekumpulan rumah yang terletak di kawasan luar bandar dan desa.<sup>30</sup> Pengertian kampung juga membawa maksud orang yang tidak moden dan masih berpegang kepada kebiasaan atau tradisi lama. Selain itu, kampung juga merupakan kawasan tempat tinggal sesuatu kaum yang hidup berkelompok.

Baru pula membawa makna belum atau tidak ada sebelumnya, yang belum lama wujud dikeluarkan, diterbitkan. Kampung baru dalam kajian ini membawa maksud kawasan kediaman penduduk yang baru diwujudkan. Istilah kampung baru digunakan bagi penempatan yang telah diwujudkan oleh pihak kolonial British di Tanah Melayu pada zaman darurat pada tahun 1948. Penduduk kampung baru berasal daripada penduduk yang tinggal di kawasan setinggan berhampiran hutan. Masyarakat tersebut telah dipindahkan semasa zaman darurat untuk melindungi penduduk daripada ancaman komunis disamping memutuskan hubungan penduduk dengan pihak komunis.

Dalam konsep kajian ini, komuniti kampung baru menurut penyelidik merupakan satu bentuk kawasan masyarakat yang yang telah ditempatkan semula dalam satu kawasan baru untuk memudahkan pemantauan dilakukan terhadap masyarakat tersebut. Kampung baru ini diwujudkan semasa zaman darurat pada di seluruh Tanah Melayu bertujuan untuk membina dan mewujudkan sebuah kawasan petempatan baru kepada penduduk supaya lebih teratur dan mudah dikawal oleh pihak

---

<sup>30</sup> Kamus Dewan bahasa edisi keempat

keselamatan British.

Berdasarkan kepada kajian penyelidik, istilah kampung baru Cina yang digunakan adalah untuk merujuk kepada sebuah kawasan petempatan semula kampung yang telah dibentuk oleh pihak kolonial British dalam usaha membasmi ancaman komunis semasa pengistiharan darurat. Penggunaan istilah dan konsep kampung baru ini masih kekal digunakan sehingga hari ini. Istilah kampung baru Cina digunakan dalam penulisan kajian ini merujuk kepada satu kawasan yang didiami oleh majoriti kaum Cina sebagai penghuni utama penempatan kampung baru tersebut. Namun begitu, dalam kawasan penempatan semula kampung baru Cina, masih terdapat kaum-kaum lain seperti kaum Melayu dan India yang menghuni kawasan penempatan tersebut.

### **1.11 Pembahagian Bab**

Dalam topik yang terdapat pada kajian ini, penyelidik membahagikan penulisan ini kepada enam bab. Bab ini dibahagikan kepada sub-sub topik berkaitan dengan topik utama. Pembahagian topik berdasarkan kepada keutamaan atau perkara pokok yang dikaji secara mendalam dalam kajian ini. Kajian ini juga diperincikan dengan mengikut kepentingan kajian dalam sejarah pembentukan komuniti kampung baru Cina, dasar Briggs dalam pembinaan kampung baru Cina, keadaan petempatan komuniti kampung baru Cina dan masalah serta isu-isu dan cabaran yang timbul dalam pembentukan komuniti kampung baru.

## **Bab 1 Pengenalan**

Dalam bab 1, bab ini merupakan satu bab pengenalan bagi memberi gambaran dan menjelaskan secara umum tentang fokus utama kajian penyelidik sebelum memasuki bab selanjutnya yang memaparkan maklumat dengan lebih lanjut dan disertakan dengan pemaparan pelbagai data kajian. Penyelidik mengkaji dan menghuraikan secara umum berkaitan sejarah latar belakang darurat dan pembentukan petempatan semula komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor. Dalam bab ini juga, pengkaji menyatakan permasalahan dan objektif kajian ini dilaksanakan. Oleh itu, pembaca akan mendapat gambaran secara umum berkaitan dengan permasalahan kajian serta objektif kajian penyelidik dan mengetahui asas pembentukan penempatan komuniti kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor ini yang dipaparkan dalam bab yang berikutnya.

## **Bab 2 Latar Belakang Penubuhan Kampung Baru Cina Daerah Ulu Selangor**

Dalam bab 2, penyelidik memperincikan berkaitan dengan latar belakang daerah Ulu Selangor, latar belakang masyarakat Cina di daerah Ulu Selangor, pembentukan penempatan setinggan masyarakat Cina di kawasan Ulu Selangor, latar belakang pengaruh Parti Komunis Malaya di daerah Ulu Selangor. Bab ini juga memberikan penekanan terhadap hubungan komunis dalam penempatan setinggan Cina dan peristiwa keganasan ancaman komunis di kawasan penempatan setinggan Cina di Ulu Selangor. Selain itu, bab ini menyentuh mengenai dasar kolonial British dalam membasmi ancaman gerila komunis di Ulu Selangor. Paparan berkaitan dengan

konsep istilah yang digunakan dalam kajian ini turut disertakan. Pada bab yang berikutnya, dipaparkan berkaitan dengan peranan rancangan Briggs dalam penempatan semula orang-orang Cina di kampung baru.

### **Bab 3 Pelaksanaan Rancangan Briggs Dalam Penempatan Semula Di Ulu Selangor**

Dalam bab 3, penyelidik memperincikan berkaitan peranan kolonial British dalam membasmi ancaman penyebaran ideologi komunis di daerah Ulu Selangor secara rentetan. Penyelidik mengkaji rancangan awal penempatan semula setinggan Cina melalui penubuhan Jawatankuasa Setinggan 1948. Di samping itu juga, penyelidik mengkaji faktor berlakunya kewujudan masalah setinggan serta dasar British terhadap setinggan di Ulu Selangor. Selain itu, penyelidik menganalisis dasar rancangan Briggs dalam penempatan semula komuniti setinggan Cina di petempatan semula kampung baru. Dalam bab ini, penelitian dibuat terhadap pelaksanaan rancangan Briggs dalam penempatan kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor melalui program penempatan semula penduduk yang tinggal di kawasan setinggan. Bab ini memaparkan dasar kolonial British serta perubahan dan perkembangan rancangan Briggs dalam proses penempatan semula masyarakat Cina yang tingal di kawasan setinggan di persisir hutan.

Selain itu, kajian juga dilakukan untuk menganalisis strategi Briggs dalam membasmi ancaman komunis di kampung baru Cina Ulu Selangor. Pemaparan perkembangan Rancangan Briggs ini memberikan gambaran kepada pembaca berkaitan keutamaan penyelidikan terhadap pembentukan komuniti kampung baru

dalam menjadi strategi utama British menyekat penyebaran ideologi komunis kepada masyarakat Cina di Ulu Selangor. Kajian juga dilakukan untuk menghurai pengistiharan darurat kepada kempen membentengi komunis di kampung baru Cina di daerah Ulu Selangor. Pada bab berikutnya, pengkaji akan menganalisis dasar kolonial British dalam kawasan penempatan semula komuniti kampung baru di daerah Ulu Selangor.

#### **Bab 4 Keadaan Penempatan Komuniti Kampung Baru Cina Daerah Ulu Selangor**

Dalam bab 4, perihal berkaitan kampung-kampung baru Cina dan keadaan penempatan komuniti kampung baru di daerah Ulu Selangor turut dinyatakan. Dalam bab ini penyelidik mengkaji penempatan semula kampung baru Cina yang telah diwujudkan di daerah Ulu Selangor dibawah pentadbiran Sir Gerald Templer. Dalam bab ini juga, penelitian akan dibuat terhadap keadaan penempatan semula komuniti kampung baru Cina dalam aspek pentadbiran dan pengurusan kampung baru. Bab ini juga akan mengkaji rancangan pihak kolonial British dalam meraih sokongan komuniti kaum Cina di dalam kawasan penempatan kampung baru. Segala kemudahan awam yang disediakan oleh pihak kolonial British di kawasan kampung baru dinyatakan seperti, kemudahan infrastruktur, kemudahan jalan raya, penyediaan kemudahan sistem saliran air, sistem perparitan, kemudahan bekalan elektrik, kemudahan bekalan air, penyediaan kemudahan awam seperti klinik, sekolah, dewan komuniti, kemudahan pagar keselamatan, kemudahan rumah ibadat, kemudahan kubu, menara dan alat pencegah kebakaran.

Bab ini juga menilai tahap perkhidmatan sosial dan penubuhan pertubuhan persatuan kampung baru Cina juga dikaji secara khusus seperti pasukan sukarelawan *home guard*, penubuhan Persatuan Pengakap, persatuan Sukarelawan Kesihatan, dan pembentukan Dewan Perniagaan Cina/ Syarikat Kerjasama. Bab ini juga akan mengkaji sumbangan dan peranan *Malayan Chinese Association* (MCA) terhadap setinggan Cina dalam komuniti kampung baru. Selanjutnya, pada bab berikutnya dinyatakan berkaitan dengan isu dan kesan daripada pembangunan kampung baru Cina selepas penempatan semula masyarakat Cina di daerah Ulu Selangor dalam tempoh masa kajian.

### **Bab 5 Isu Dan Cabaran Komuniti Cina Dalam Kampung Baru Cina Daerah Ulu Selangor**

Dalam bab 5, perihal berkaitan isu dan cabaran daripada pembangunan kampung baru selepas penempatan semula masyarakat Cina di daerah Ulu Selangor turut dinyatakan. Selain itu, penyelidik turut menilai aspek isu dan masalah yang dihadapi oleh komuniti Cina di dalam kampung baru yang melibatkan permasalahan dalam pembinaan penempatan baru, masalah akibat daripada sekatan makanan dan kesukaran menjalankan kegiatan pertanian, kelemahan aspek pertahanan, isu kerakyatan masyarakat Cina, masalah pelajaran, masalah penguasaan bahasa, isu kewangan, masalah wabak penyakit, masalah petempatan dan pemilikan tanah kemudahan perkhidmatan sosial dan kebajikan, masalah keselamatan dan kebebasan bergerak komuniti kampung baru.

Penyelidik menilai perkembangan dan masalah mengenai pentadbiran dan isu serta cabaran yang dihadapi berkaitan dengan pembangunan kampung baru di daerah

ini. Penyelidik memaparkan analisis berkaitan dengan kesan yang muncul akibat perkembangan penempatan semula pembangunan kampung baru berkaitan kesan integrasi kaum, kesan hubungan antara kaum Melayu dan Cina, kesan terhadap jurang ekonomi antara kaum dan penglibatan ahli komuniti kampung baru Cina dalam pengurusan kampung baru di daerah Ulu Selangor. Pada bab berikutnya, dinyatakan berkaitan dengan rumusan kepada kajian yang dilakukan ini.

## **Bab 6 Rumusan**

Dalam bab yang terakhir ini, penyelidik membuat rumusan berkaitan implikasi utama terhadap pembentukan komuniti kampung baru di daerah Ulu Selangor. Penyelidik membuat kesimpulan mengenai dasar utama kolonial British melalui rancangan Briggs dalam menempatkan semula bangsa Cina dalam satu komuniti yang tersusun. Perbincangan tentang perkembangan kampung baru di Ulu Selangor tahun 1948-1957 di daerah ini wajar diberikan perhatian untuk menjadi alat perpaduan kaum di Malaysia. Oleh yang demikian, penjelasan dalam bab terakhir ini merupakan suatu pandangan yang konkret kepada petempatan kampung baru dalam integrasi antara kaum di Malaysia. Beberapa penilaian akan dibuat sehinggalah daerah Ulu Selangor diistiharkan menjadi kawasan putih yang bebas daripada ancaman komunis dan darurat ditamatkan pada tahun 1960.

## **2.0 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, dasar kolonial British dalam melaksanakan proses pemindahan komuniti Cina daripada kawasan setinggan yang berlaku di daerah Ulu Selangor memberikan satu fenomena yang amat penting dalam harga sebuah kemerdekaan dalam pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini memfokuskan kepada aspek pembentukan komuniti kampung baru Cina dalam pembentukan negara bangsa di Malaysia. Pada bab yang selanjutnya, kajian ini memaparkan berkaitan dengan peristiwa darurat yang berlaku di daerah ini bermula pada tahun 1948-an sehingga pada tahun 1957. Oleh yang demikian, pada bab berikutnya, iaitu bab 2, penyelidik memperincikan berkaitan dengan sejarah latar belakang penempatan komuniti Cina di daerah Ulu Selangor.